



PENDIDIKAN BERASASKAN KOMUNITI: PENGALAMAN PEMBELAJARAN BERSAMA MASYARAKAT

¹Zanaton H. Iksan, ²Sayyidah Nusaibah Mohd Salehudin
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak


Pembelajaran Berasaskan Komunitas merupakan satu pendekatan pembelajaran melalui pengalaman. Bahasan artikel ini berkaitan pengalaman pelibatan komunitas dalam sistem pendidikan di Fakultas Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Informasi diperoleh menggunakan pertanyaan terbuka sebagai instrumen untuk mendapatkan umpan balik dari pelajar yang telah mengalami pembelajaran bersama masyarakat luar kampus. Sejumlah 160 pelajar tahun akhir diminta berbagi informasi mengenai komunitas yang diikuti, masalah yang dihadapi dan kebaikan yang diperoleh semasa mereka melibatkan diri dengan komunitas. Dibagikan juga analisis subjek-subjek yang ditawarkan kepada pelajar sepanjang pengajian, khususnya subjek yang ada kaitannya dengan penglibatan komunitas. Didapati sebagian besar daripada subjek yang ditawarkan kepada pelajar menerapkan elemen Pembelajaran Berasaskan Komunitas. Pelbagai jenis Komunitas yang terlibat sebagai jaringan dan kerjasama dengan universitas khususnya Fakultas Pendidikan. Pelibatan pelajar dalam masyarakat bukan saaja memberi pengalaman yang baik, sebaliknya mereka berhadapan juga dengan pelbagai masalah dari aspek keuangan, administrasi, perjalanan program dan pelbagai lagi. Namun, semua pengalaman yang diperoleh merupakan ilmu yang tidak diperolehi dalam subjek yang dipelajari dalam kuliah. Oleh itu, pembelajaran berasaskan Komunitas dapat memberi peluang kepada pelajar dalam mengaplikasikan ilmu yang mereka pelajari ke dalam situasi sebenarnya dan mengasah kemahiran insaniah (soft skill) mereka.

Kata Kunci: pendidikan Komunitas, kemahiran insaniah, masyarakat, pengajian tinggi

PENDAHULUAN

Menimba ilmu kini tidak lagi pada pendidikan formal di dalam bilik kuliah, tetapi boleh diperoleh di mana sahaja melalui pelbagai aktiviti di luar bilik darjah. Pendidikan seumpama ini digelar Pembelajaran melalui Pengalaman (*Experiential Learning*). Pembelajaran melalui pengalaman ini merupakan satu skop yang amat luas merangkumi pelbagai pendekatan pembelajaran seperti Pembelajaran Berasaskan Projek, pertukaran pelajar, latihan praktikal, aktiviti di luar kelas, Pembelajaran Berasaskan Komunitas dan banyak lagi (Roberts, 2018). Menurutnya lagi, selain memenuhi keperluan semasa, pembelajaran melalui pengalaman ini terbukti membolehkan para graduan berjaya dalam kerjaya mereka serta dapat meningkatkan kemahiran insaniah para graduan.

Salah satu elemen penting yang ditekankan oleh pihak universiti dalam menghasilkan graduan yang serba boleh dan memperoleh pelbagai kemahiran ialah Pembelajaran Berasaskan Komunitas (PBK). Istilah PBK ini sangat berkait rapat dan saling ditukar ganti dengan Pembelajaran melalui Khidmat (*Service Learning*) dalam banyak literatur (Mooney & Edwards, 2001). PBK ini mampu menjadi pemangkin bagi penilaian secara holistik i-CGPA yang dicadangkan kepada Pendidikan di peringkat Universiti. Rajah 1 menunjukkan contoh maklumat yang dijana oleh penilaian holistik i-CGPA.



Rajah 1: Penilaian Holistik i-CGPA

Sebelum ini, nilai PNGK yang tertera dalam transkrip pelajar menggambarkan nilai dalam komponen kognitif sahaja. Nilai ini diperoleh dari peperiksaan sama ada di pertengahan atau akhir semester bagi mengukur kefahaman pelajar terhadap sesuatu kursus yang diambil. Namun, nilai ini tidak dapat melihat elemen kemahiran generik dan kemahiran insaniah pelajar dimana elemen ini amat dititik beratkan oleh majikan yang akan mengambil pelajar sebagai pekerja. Justeru, penilaian secara holistik perlu dikemukakan bagi melihat bukan sahaja mengukur elemen kognitif, bahkan elemen psikomotor dan afektif juga dititik beratkan dan dapat dilihat melalui nilai pencapaian pelajar. Antara elemen penting yang perlu dicerap dalam proses pembelajaran sesuatu program ialah pengetahuan, kemahiran praktikal, kemahiran dan tanggungjawab sosial, nilai sikap dan profesionalisma, kemahiran berkomunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran pengurusan maklumat dan kemahiran keusahawanan. Diharap dengan penilaian secara menyeluruh ini dapat menghasilkan pelajar yang dapat menyumbang kepada agama dan masyarakat dalam pembentukan sebuah negara yang bertamadun.

KATEGORI PEMBELAJARAN BERASASKAN KOMUNITAS

Mooney dan Edwards (2001) mengkategorikan PBK kepada enam jenis berdasarkan hierarki. Enam jenis PBK ini dinyatakan kriteria serta faedahnya kepada pelajar. Jenis PBK yang dinyatakan ialah: 1) Aktiviti di luar kelas (*Out-of-Class Activities*), 2) aktiviti kesukarelawanan (*Volunteering*), 3) khidmat dengan manfaat tambahan (*Service Add-Ons*), 4) praktikum atau internship, 5) Pembelajaran melalui Khidmat, dan 6) Advokasi Pembelajaran melalui Khidmat (*Service-Learning Advocacy*). Jadual 1 menunjukkan hierarki Pembelajaran Berasaskan Komunitas berdasarkan kajian Mooney dan Edwards (2001).

Jadual 1: Hierarki Pembelajaran Berasaskan Komunitas (Mooney dan Edwards, 2001)

Opsyen PBK	Aktiviti di luar kelas	Aktiviti kesukarelawanan	Khidmat dengan manfaat tambahan	Praktikum atau internship	Pembelajaran melalui Khidmat	Advokasi Pembelajaran melalui Khidmat
1. Tindakan sosial						x
2. Refleksi berstruktur					x	x
3. Mengaplikasi/				x	x	x

memperoleh kemahiran							
4. Kredit kurikulum		x	x	x	x	x	x
5. Memberikan Perkhidmatan		x	x	x	x	x	x
6. Bersama Komunitas	x	x	x	x	x	x	x

Jenis pertama PBK ialah aktiviti di luar kelas seperti lawatan sambil belajar. Aktiviti seumpama ini kebiasaannya hanya memberikan peluang kepada pelajar untuk berada dalam Komunitas, tetapi tidak berkhidmat, menggunakan kemahiran yang ada mahupun melakukan refleksi yang sistematik. Namun, melalui aktiviti di luar kelas, mereka dapat memerhatikan interaksi atau dinamik kumpulan, memerhatikan status dan peranan berbeza yang dimainkan, mendapatkan pengalaman melalui contoh yang konkret tentang fenomena sosial dan memperoleh ilmu dan pengalaman daripada ‘dunia sebenar’.

Aktiviti kesukarelawan pula biasanya berlaku di luar kelas. Bezanya, aktiviti kesukarelawan ini melibatkan pelajar memberikan ‘khidmat’. Aktiviti kesukarelawan ini biasanya tidak mengaplikasikan atau meningkatkan kemahiran sedia ada (contoh: mengagihkan makanan) atau melakukan refleksi yang bermakna. Walau bagaimanapun, aktiviti ini mampu meningkatkan kesedaran mengenai Komunitas, bertemu dengan pelbagai kumpulan masyarakat, melihat simptom masalah dalam masyarakat dan menyelesaikannya secara luaran, bersama dengan Komunitas dan meningkatkan kesedaran tentang masalah sosial. Khidmat dengan manfaat tambahan juga hampir sama konsepnya dengan aktiviti kesukarelawan. Apa yang membezakannya ialah aktiviti ini diberikan kredit atau markah melalui penglibatan mereka dalam aktiviti kesukarelawan atau khidmat yang mereka berikan.

Jenis PBK yang seterusnya ialah praktikum atau internship. Praktikum atau internship ini kadangkala disebut juga dengan istilah latihan industri, pembelajaran koperatif dan pengalaman pra-profesional biasanya ditawarkan sebagai sebuah kursus di sesebuah institusi pengajian tinggi. Pelajar memperoleh pelbagai pengalaman daripada PBK ini, namun refleksi berstruktur biasanya tidak diperlukan. Praktikum atau internship membolehkan pelajar mengalami sendiri aplikasi praktikal kemahiran dan ilmu yang mereka pelajari, membangunkan kemahiran dan ilmu baharu, memperoleh pengalaman berbentuk ‘hands-on’ dan dapat mengaplikasikan teori dan meningkatkan kemahiran berkaitan bidang.

Pembelajaran melalui khidmat merupakan satu lagi jenis PBK yang dibincangkan. Pembelajaran melalui khidmat didefinisikan sebagai ‘kaedah pembelajaran di mana pelajar memberikan khidmat kepada Komunitas yang memerlukan sebagai syarat mendapatkan kredit akademik, dengan menggunakan seterusnya meningkatkan kemahiran sedia ada bagi menonjolkan aktiviti khidmat sebagai cara memperoleh pemahaman lanjut tentang kandungan kursus, lebih menghargai disiplin ilmu tersebut serta memupuk rasa tanggungjawab sivik’. Pembelajaran melalui khidmat dapat membentuk hubungan sosial dan intelektual yang penting, mengasah kemahiran menyelesaikan masalah, menyemak punca masalah dari segi struktur dan institusi, mengaplikasikan pemikiran kritis, mensintesis maklumat dalam kelas dan dunia sebenar, mempelajari erti tanggungjawab sivik serta melaksanakan konsep yang abstrak.

Jenis PBK yang terakhir ialah Advokasi Pembelajaran melalui Khidmat. Advokasi Pembelajaran melalui Khidmat ini memerlukan pelajar melakukan tindakan sosial dengan bertindak sebagai pemimpin masyarakat. Berbeza dengan PBK yang lain, Advokasi

pembelajaran melalui khidmat ini perlu kritis terhadap status quo, mencabar struktur yang tidak adil dan menindas, serta memberi peluang kepada pelajar menjadi aktivis keadilan sosial di kampus mereka. Advokasi Pembelajaran melalui Khidmat ini dapat meningkatkan pendidikan masyarakat dan literasi sivik, mengasah kemahiran kepimpinan, bertindak sebagai agen perubahan sosial, memperoleh pengalaman tentang perhubungan kuasa, meningkatkan sosialisasi politik, membangunkan nilai moral dalam diri, memperoleh kemahiran berkolaborasi dan dapat menguasai pendekatan interdisiplin.

Kepentingan Pembelajaran Berasaskan Komunitas

Para ilmuan menekankan kembali kepentingan pembangunan Komunitas dan masyarakat dalam menentukan hala tuju pendidikan masa kini bagi menghasilkan generasi masa hadapan yang lebih bertanggungjawab dan mempunyai nilai keinsanan yang tinggi (Antonio, Astin & Cress, 2000). Hal ini kerana penglibatan dalam Komunitas mampu meningkat pencapaian, pengetahuan mengenai subjek yang dipelajari, keupayaan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam situasi baharu, dan mengukuhkan pemikiran kritis, membentuk kemahiran kepimpinan serta meningkatkan tanggungjawaban sivik (Antonio et al., 2000; Astin & Sax, 1999). Selain itu, penglibatan dalam komuniti juga membantu mengukuhkan bahan pembelajaran dan membolehkan pelajar mengaplikasikan konsep dan prinsip yang dipelajari dalam situasi sebenar mengurangkan masalah keciciran pelajar, dan juga meningkatkan minat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Antonio et al., 2000). Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan berdasarkan Komunitas mampu memberikan banyak impak yang positif kepada pelajar.


Olsen dan Elliot (2017) mendapati bahawa penglibatan dalam Komunitas mampu meningkatkan kemahiran kepimpinan. Menurutnya lagi, kepimpinan ini terhasil daripada pemahaman mengenai diri sendiri diikuti keadilan dan etika, membina dan mengekalkan hubungan, strategi dan pertimbangan dan melaksanakan perubahan. Dalam membina dan mengekalkan hubungan, komunikasi dan kepercayaan adalah penting. Kefahaman yang mendalam tentang Komunitas dibentuk apabila pelajar mempunyai hubungan yang baik dengan Komunitas seterusnya membolehkan mereka menghasilkan perubahan yang lebih sistematik dan berkekalan. Kemahiran yang mereka peroleh ini membentuk sifat kepimpinan dalam diri mereka.

PENDIDIKAN BERASASKAN KOMUNITAS DI FAKULTI PENDIDIKAN, UKM

Penilitian terhadap subjek-subjek dalam kurikulum sarjanamuda pendidikan diperhalusi untuk melihat pengintegrasian pembelajaran berdasarkan Komunitas. Seterusnya mendapatkan maklum balas daripada pelajar yang terlibat dalam kurikulum ini. Pelajar yang terlibat untuk memberi input berkaitan pendidikan berdasarkan Komunitas adalah pelajar tahun akhir yang telah mengikuti Ijazah Sarjanamuda Pendidikan yang telah mengikuti program sepenuhnya selama empat tahun. Mereka terdiri daripada tiga program iaitu program Pendidikan Khas, program Sukan dan Rekreasi, dan program Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL). Maklum balas diperoleh melalui perbicangan secara dua hala dan respon bertulis soalan terbuka. Terdapat tiga soalan terbuka yang dikemukakan iaitu: 1) Penglibatan dalam Komunitas (Nama Komunitas dan aktiviti yang dijalankan), 2) kebaikan/kekuatan yang diperoleh semasa melibatkan diri dengan Komunitas, dan 3) Masalah yang dihadapi dalam proses penglibatan dengan Komunitas. Jawapan dianalisis secara tematik. Selain

itu, pengkaji juga menganalisis subjek-subjek yang diajar di universiti yang mengintegrasikan Pembelajaran Berasaskan Komunitas.


Dalam sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi, keterlibatkan pelajar bukan hanya semasa pembelajaran menerusi penglibatan dalam kurikulum, tetapi penglibatan mereka meliputi sepanjang pengajian secara formal atau tidak formal. Oleh itu, program yang dirancang bukan sahaja semasa di fakulti, tetapi penglibatan mereka juga diambil kira semasa di kolej kediaman. Rajah 2 menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sepanjang pengajiannya di institusi pengajian tinggi.



Rajah 2: Model penglibatan pelajar secara menyeluruh
Penglibatan pelajar dalam pendidikan bukan sahaja di sistem yang formal, bahkan seluruh kehidupan mereka dalam proses pembelajaran di pengajian tinggi.

Kurikulum Fakulti Pendidikan, UKM yang Melibatkan Komunitas

Dalam usaha melahirkan bakal guru yang seimbang dari aspek pengetahuan dan kemahiran insaniah, beberapa kursus yang diajar telah menerapkan elemen PBK dalam tugasannya. Analisis terhadap proforma kursus dan perbincangan dengan pensyarah kursus yang di peringkat pengajian prasiswazah, didapati bahawa semua pengkhususan mempunyai subjek yang melibatkan Komunitas. Pengkhususan Pendidikan Khas mencatatkan penglibatan Komunitas yang tertinggi dengan peratusan 81.82%. Hal ini diikuti oleh subjek teras yang diambil oleh semua pelajar Fakulti Pendidikan tanpa mengira pengkhususan mereka iaitu sebanyak 57.14%. Maklumat ini boleh dirujuk pada Rajah 3.



Rajah 3: Penglibatan Komunitas dalam subjek yang dipelajari mengikut program yang ditawarkan.

Fakulti menyediakan sebanyak 14 kursus asas/teras yang perlu diambil oleh semua pelajar pendidikan di peringkat prasiswazah. Kursus ini berkaitan pendidikan keguruan meliputi psikologi, pembentukan karakter atau nilai, pedagogi, kemahiran berfikir, penilaian, keusahawanan penyelidikan dan latihan mengajar (praktikum). Lapan daripada 14 kursus ini menyediakan tugas yang melibatkan Komunitas. Fakulti juga menyediakan kursus yang dengan terang penglibatan Komunitasnya dalam nama dan penilaian kursus iaitu Kursus Pendidikan dan Komunitas, *Coaching* Pendidikan Komunitas 1 dan II, dan Latihan Industri Komunitas. Komunitas yang terlibat adalah sekolah rendah dan menengah, NGO, pendidikan tak formal seperti kelas tuisyen, kem dan progam pendidikan. Mereka yang terlibat adalah guru, pelajar, kakitangan sekolah, pelajar tadika, dan ibu bapa.

Bagi program sukan, terdapat 16 kursus pengkhususa yang ditawarkan. Separuh daripadanya melibatkan Komunitas dalam pelaksanaan kursus. Antara Komunitas yang terlibat ialah penduduk kampung, penduduk dalam taman perumahan. Antara aktiviti yang dilakukan oleh pelajar ialah, melakukan pemerhatian, temu bual, pengajaran, tuisyen, melakukan projek dan membuat refleksi yang perlu dikonsikan dalam pembentangan. Dari segi aktiviti pula, pelajar yang mengambil kursus ini:

- i. berinteraksi dengan orang berkeperluan khas dalam Kursus sukan dan masyarakat.
- ii. aktiviti pertandingan sukan yang melibatkan beberapa penduduk dalam taman,
- iii. gotong royong membersihkan kampong, pantai dan masjid.
- iv. memberi konsultasi berkaitan kesihatan kepada penduduk setempat
- v. melakukan senam robik bagi meingkatkan kesihatan
- vi. dalam kursus Peralatan dan Fasiliti Sukan dan Rekreasi, pelajar melakukan gotong royong dengan penduduk kampung untuk meningkatkan peralatan dan fasiliti sukan agar mudah untuk mereka berekreasi.

Bagi program pendidikan khas pula, sebahagian besar Komunitas yang terlibat ialah pelajar-pelajar istimewa termasuklah pelajar bermasalah pembelajaran, masalah penglihatan, masalah pendengaran dan autism, ibubapa dan masyarakat setempat.

Kursus yang mengkusus kepada Komunitas adalah kursus pemulihan dalam Komunitas. Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk melakukan aktiviti secara langsung dengan pusat pemulihan dalam Komunitas. Komunitas yang terlibat ialah sekolah, Jabatan Optometri UKM, NGO iaitu Persatuan orang buta Malaysia, Hospital iaitu jabatan berkaitan pendidikan khas, agensi kerajaan dan ibu bapa. Aktiviti yang dilakukan ialah pengenalan diri, lawatan, menyediakan eRPI, melakukan penilaian, melakukan pemerhatian, temu bual, membantu guru dalam pengajaran, merekacipta bahan pengajaran, Melakukan terapi dan rekreasi kanak-kanak khas, bekerjasama dengan kanak khas dalam kemahiran vokasional dan dipasaran dalam keusahawanan. Forum adiwira, aktiviti seni dan kraftangan.

Penglibatan Komunitas dalam Program Pendidikan

Pelbagai jenis aktiviti yang melibatkan Komunitas yang disertai oleh pelajar-pelajar sepanjang tahun pengajian mereka di Fakulti Pendidikan, UKM. Penglibatan Komunitas sepanjang pengajian mereka berlaku di peringkat tempatan, kebangsaan, mahupun antarabangsa. Di peringkat antarabangsa, pelajar-pelajar menyertai program pertukaran pelajar seperti Program Pertukaran Pelajar dengan NUS, Singapura, UKM *Ambassador for Global Peace Convention*, dan Program Mobiliti. Sebagai contoh pelajar telah melakukan mobaliti di Universitas Negeri Semarang Indonesia dan menjadi sukarelawan program bertaraf antarabangsa seperti sukarelawan Sukan SEA. Selain itu pelajar mengikti program mobaliti di universiti di Korea, Jepun, Thailand dan sebaginya.

Selain itu, di peringkat tempatan, pelajar mempunyai pelbagai alternatif untuk terlibat dalam Komunitas. Pelbagai aktiviti yang disertai pelajar merangkumi program berbentuk khidmat masyarakat, sukarelawan dan kebajikan, motivasi dan pembangunan diri, bantuan mengajar/pembelajaran/tutor, gotong-royong, lawatan, sukan dan kebudayaan. Antara program yang disertai pelajar ialah Pediatric Brain Tumor Awareness, Jungle Trekking, Explorace, Zumba, gotong royong membersihkan zoo, pantai dan kawasan setempat, pengagihan makanan kepada gelandangan dan pelbagai lagi.

Bahkan kursus dan subjek yang diambil pelajar juga mewajibkan penyertaan dalam program tertentu bagi memberikan pengalaman kepada mereka menghampiri masyarakat dan menyediakan mereka menghadapi situasi sebenar di tempat kerja. Sebagai contoh, pelajar TESL menjadi sukarelawan program menulis bahasa Inggeris “Think to Ink”, menjadi fasilitator dalam program Kem Bahasa Inggeris, dan mengajar Bahasa Inggeris kepada masyarakat orang asli. Bagi pelajar Sukan dan Rekreasi pula, aktiviti Komunitas berkaitan major yang mereka sertai ialah menuju Pasukan Kriket di sekolah. Manakala, pelajar Pendidikan Khas menyertai program membuat roti kepada anak-anak berkeperluan khas, lawatan penanda aras dan lawatan luar bilik darjah.

Dengan melibatkan diri dalam komuniti, pelajar dapat berkenalan dan bergaul dengan segenap lapisan masyarakat yang datang daripada pelbagai status sosial. Antara Komunitas yang disertai pelajar adalah golongan gelandangan, anak yatim, masyarakat orang asli, orang tua, masyarakat Kemboja, kanak-kanak berkeperluan khas, pelajar sekolah, serta masyarakat di sekeliling mereka. Program pertukaran pelajar pula memberi peluang kepada pelajar untuk berkenalan dan menyelami budaya di negara lain dan menimba banyak pengalaman unik dan berguna. Semua ini akan menyediakan pengalaman yang amat berharga dan dapat menjadi perkongsian ilmu dalam kerjaya mereka apabila bertugas sebagai guru di sekolah atau apa sahaja kerjaya yang mereka ceburi.

Kebaikan atau Kekuatan sepanjang Penglibatan dalam Komunitas

Terdapat pelbagai kebaikan atau kekuatan yang ditimba oleh pelajar sepanjang mereka melibatkan diri dalam Komunitas. Sebagai contoh, mereka memperoleh pelbagai kemahiran baru, mempelajari tentang nilai murni dan etika, mengenali budaya dan keadaan masyarakat, mengasah pelbagai kemahiran insaniah, dapat berkenalan, bersosial dan mengeratkan hubungan silaturrahim serta memperoleh pengalaman baharu.

Antara kebaikan yang diperoleh pelajar semasa melibatkan diri dalam Komunitas ialah dapat meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dan membantu mereka berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat. Sebagai contoh, TE1349 menyatakan bahawa "*Aktivit Komunitas memberi satu kemahiran baru kepada saya terutama sekali dari sudut komunikasi di mana saya dapat bertemu ramai orang dari segenap lapisan masyarakat*"; dan TE0980, "*Dengan pengalaman yang ada, saya dapat membina keyakinan diri secara lisan*". Hal ini dijelaskan lagi oleh TE0386 dan TE8091 bahawa mereka dapat belajar cara-cara bekomunikasi dengan pihak-pihak tertentu, ahli jawatankuasa dan kumpulan sasaran program. Tambahan lagi, pelajar TE0477 memperihalkan pengalamannya, "*Semasa saya melibatkan diri dlm program tersebut, saya belajar tentang etika dan cara berkomunikasi. 'Korean Speech Competition' mengajar saya tentang kepentingan berkomunikasi kerana saya dapat belajar berkomunikasi dengan warga luar negara dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar*". Komunikasi adalah salah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai pelajar dalam menyiapkan diri mereka untuk menghadapi pekerjaan kelak. Menurut Olsen dan Elliot, (2017), dalam membina dan mengekalkan hubungan, komunikasi dan kepercayaan diri merupakan kemahiran yang penting dalam membentuk kemahiran kepimpinan. Justeru, dengan menyertai aktiviti bersama Komunitas, kemahiran komunikasi pelajar dapat digilap.

Kebaikan kedua ialah dapat memperoleh rakan baru, dapat bersosial dan mengeratkan hubungan sliaturrahim sesama ahli jawatankuasa, peserta dan masyarakat Komunitas yang disertai. Maklumat daripada pelajar mendapati mereka dapat bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat seperti "*penduduk setempat dan rakan baru berlainan program*" (TE0386); "*bersosial dengan orang luar*" (TE0721); "*dapat bersosial dengan orang yang tidak dikenali mudah, berkenalan dengan pelajar fakulti lain serta belajar melibatkan diri dengan Komunitas yang terdiri daripada anak-anak yatim, orang asli, pelajar sekolah, penduduk setempat dan sebagainya*" (TE1153); serta "*belajar cara bersosial dengan kumpula sosial yang berbeza*" (TE1386). Tambahan pula, kesempatan berkenalan dan bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat ini akan meluaskan jaringan sosial atau *networking* pelajar. Menurut PK3870, penglibatan dalam Komunitas dapat "*meluaskan jaringan sosial (networking) dengan pelbagai latar belakang*".

Seterusnya, dengan menyertai aktiviti dalam Komunitas, pelajar dapat menimba banyak pengalaman baharu. Mereka dapat melawat tempat-tempat baharu, meningkatkan keterlibatan dalam masyarakat dan membantu pelajar dan memperoleh pengalaman mengawal murid. Pelajar TE0180 menjelaskan bahawa "saya dapat menimba pengalaman yang tidak mungkin saya dapat di dalam kelas". Selain itu, maklum balas pelajar juga menyatakan; "Kebaikannya ialah saya dapat banyak tunjuk ajar dalam proses menyertai program ini. Saya banyak menimba pengalaman dari program yang saya sertai" (TE1433) dan "dapat menambah pengalaman dari segi berinteraksi dengan Komunitas" (TE0386). Secara spesifik, pelajar SR0001 menjelaskan berdasarkan pengalaman beliau bersama Komunitas orang asli iaitu "*membuka mata tentang persekitaran pembelajaran org asli yang tidak kondusif, tetapi mereka tetap mahu menuntut ilmu*". Selain itu, ramai juga pelajar yang menggambarkan kebaikan yang mereka peroleh adalah pengalaman mengawal murid seperti PK1389 (*Dapat memperoleh pengalaman yang baru khususnya diberi kesempatan dalam mengawal murid dalam suatu*

keadaan agar sesuatu akriviti yang dijalankan dapat berlangsung dengan baik), PK9874 (Berjaya mengawal murid-murid PPKI ketika di Terengganu walaupun sangat mencabar kerana mereka tidak/sukar mengikut arahan) dan PK9874 (Berpeluang mengajar murid-murid PPKI untuk membuat roti yang sangat membantu pergerakan motor kasar mereka. Dalam masa yang sama, saya turut berpeluang bejar cara membuat roti). Hal ini penting kerana pelajar fakulti pendidikan sebagai bakal guru perlu memperoleh banyak ilmu berdasarkan pengalaman untuk menguruskan murid dan mengawal kelas bagi membolehkan mereka berjaya dalam praktikum dan kerjaya mereka kelak.

Selain itu, pelajar juga menyatakan bahawa mereka memperoleh banyak kemahiran baru melalui penglibatan dalam Komunitas. Antara kemahiran yang mereka peroleh ialah kemahiran menyelesaikan masalah (*mengasah bakat kepimpinan serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam organisasi, TE8091*), kemahiran menguruskan program (*TE1349 - Saya mempelajari banyak perkara terutama sekali tentang cara untuk mentadbir sesuatu program; TE1386 - Belajar cara menguruskan dan menyelesaikan sesuatu tugas yang diberi; TE0954 Kepentingan perangcangan yang rapi*), kemahiran mengajar dan pengurusan murid (*TE8952 Saya dapat mengasah bakat dalam mengajar*), kepimpinan (*TE0980 - Memimpin kumpulan pelajar dan membahagikan tugas sama rata; TE8091 - Mengasah bakat kepimpinan serta skil menyelesaikan masalah dalam organisasi; TE1437 - Saya telah belajar untuk menjadi seorang pemimpin. Saya kini menjadi seorang yang boleh bersuara dan berfikiran matang; TE0959 - Kepentingan semangat berpasukan. Fleksibel dalam menguruskan sesuatu perkara. Sentiasa berfikiran kritikal*), dan kemahiran insaniah atau softskills (*TE0339 Peningkatan softskills dan kemahiran interpersonal yang penting bagi kebolehpasaran pelajar (marketability); PK3870 - Dapat mengasahkan lagi kemahiran-kemahiran insaniah yang amat diperlukan selepas tamat pembelajaran di universiti*).

Pelajar-pelajar juga mempelajari pelbagai kemahiran asas yang lain yang tidak dapat mereka pelajari dalam kelas. Kemahiran asas ini juga boleh dipanggi kemahiran hidup. Contohnya ialah bertukang, meyapu, memasak (membuat bubur lambuk), mencangkul, mengecat jalan, mengemas. Terdapat juga pelajar yang menyatakan bahawa mereka dapat meningkatkan kemahiran yang berkaitan dengan bidang mereka seperti kemahiran kejurulatihan seperti menubuhkan pasukan bola tampar dan kriket. Melalui aktiviti ini, mereka dapat mengenali potensi dan meningkatkan tahap kecerdasan fizikal para pemain.

Di samping itu, pelajar juga dapat memperoleh dan menghayati pelbagai nilai dan etika ketika menyertai penglibatan dengan Komunitas. Antaranya ialah disiplin, kesyukuran, kesukarelawanan, bertanggungjawab, berjasa kepada Komunitas, kerjasama dan bantu-membantu, empati, berani, jati diri, percaya, kayakinan diri, prihatin atau peka, berkorban, insaf, menghargai, memperbaiki diri, hormat-menghormati, berdikari, dan berfikiran terbuka. Pelajar TE0386 melahirkan kesyukurannya dengan menyatakan; “*Program Family on The Street, saya belajar bersyukur dengan apa yang saya ada dan memberi bantuan kepada yang lebih memerlukan*”. Nilai bertanggungjawab dijelaskan oleh TE1385, “*meningkatkan sikap bertanggungjawab terhadap masyarakat sekeliling*”. Sikap berkerjasama dan bantu membantu dapat dilihat sesama ahli kumpulan (TE1386) dan bekerja dalam kumpulan (TE1419). Mereka belajar untuk berjasa kepada Komunitas dengan “*memberi balik kepada Komunitas*” (TE0711).

Melalui penglibatan dengan Komunitas, pelajar juga mempelajari tentang empati. Mereka belajar untuk menyelami dan merasai kesusahan orang lain. SR9838 menyatakan bahawa beliau “*belajar mengenai kesusahan orang lain*”. TE1437 menjelaskan bahawa “*Saya juga dapat melihat dan merasai kehidupan orang yang susah dan perasaan orang orang yang tidak mempunyai rumah. Ianya telah membuka mata saya tentang kehidupan*

luar dari kehidupan saya". Hal ini membuka mata mereka kepada realiti masyarakat (TE0954) seterusnya melahirkan rasa syukur (TE0980).

Penglibatan dalam Komunitas juga menjadikan mereka lebih berani. Mereka lebih berani untuk bersuara dan menonjolkan bakat yang ada. TE1437 menjelaskan "*Saya juga mampu dan berani untuk mencuba keluarkan apa yang tersembunyi dalam diri saya terutama bakat yang saya ada*". Tambahan lagi, keyakinan diri juga dapat dipupuk melalui penglibatan dalam Komunitas. Pelajar menjelaskan, "*Dengan pengalaman yang ada, saya dapat membina keyakinan diri secara lisan*" (TE0980), "*Saya dapat membina keyakinan diri dan mengenal pasti kelemahan dan kekuatan diri saya*" (TE7921), dan "*Dengan melibatkan aktivit dalam Komunitas juga telah membantu untuk membina keyakinan diri saya untuk melakukan perkara-perkara di luar bidang sebelum ini*" (TE1349). Kayakinan diri ini juga membantu pelajar barhadapan dengan orang ramai.

Tambahan pula, penglibatan dalam Komunitas membolehkan pelajar mengenali dan mempelajari budaya dan adat resam sesuatu Komunitas dan mendekati masyarakat. Mereka juga dapat memperoleh panduan melalui pengalaman yang dikongsi oleh orang lain serta mengenali pelbagai ragam manusia dan budaya Komunitas. Dengan cara ini, mereka dapat menyelami perasaan dan kehidupan masyarakat dan mengetahui permasalahan Komunitas tertentu seterusnya mencari solusi bagi permasalahan tersebut. Pelajar (PK0979) menjelaskan bahawa beliau dapat belajar tentang budaya tempatan (*belajar budaya penduduk tempat yang saya lawati*). Tambah SR1406, beliau dapat "*mengenal sikap dan kehidupan masyarakat sebenar. Saya juga mengetahui kelemahan yang dihadapi oleh masyarakat. Saya boleh mengenal hari budi, masalah yang dihadapai oleh mereka dan kehidupan yang dilalui*". Justeru, penglibatan dalam Komunitas membolehkan pelajar mendekati masyarakat dan memahami budaya mereka.

Masalah yang Dihadapi dalam Proses Penglibatan dengan Komunitas

Masalah utama yang dihadapi pelajar dalam proses penglibatan dengan Komunitas ialah masalah kewangan. Mereka menghadapi masalah bagi mendapatkan dana dan peruntukan bagi menjalankan sesuatu program. Pelajar (PK0592) menyatakan , "*mempunyai masalah yang agak rumit untuk mendapatkan dana daripada mana-mana pihak*". Hal ini disokong oleh TE0959, "*Kekangan peruntukan dalam melaksanakan satu tugas, perkara/aktiviti dengan lebih berjaya*". TE1131 pula menambah, "*Masalah seperti mencari dana, sponsor dan masa yang sesuai yang dihadapi. Kekangan yang dihadapi untuk program Komunitas ialah kekangan dana untuk melakukan aktiviti. Oleh itu, pelbagai cara telah kami lakukan*". Hal ini menunjukkan bahawa masalah kewangan merupakan kekangan utama yang dihadapi pelajar dalam menganjurkan aktiviti yang melibatkan Komunitas.

Masalah kedua yang dihadapi ialah mendapatkan kerjasama dari pelbagai pihak sama ada peserta, penganjur (TE1163), masyarakat, NGO, pihak luar (TE1385, TE 1237) dan juga sesama ahli jawatankuasa. Dari aspek kerjasama masyarakat, pelajar meluahkan bahawa "*sesetengah Komunitas tidak memberikan kerjasama semasa ingin membersihkan kawasan sekitar*" (SR1305), "*Ada kalangan Komunitas yang tidak memberikan kerjasama*" (PK 1397), "*tidak mahu bekerjasama*" (PK1355) dan "*Menyerahkan semua bebanan tugas kepada kami*" (PK1355). Mereka juga menghadapi masalah untuk mendapatkan kerjasama daripada peserta program. TE0980 menjelaskan, "*Sesetengah peserta dan target penerima tidak dapat bekerjasama. Tidak mendapatkan penyertaan daripada peserta*". Sebagai contoh, mereka kurang bekerjasama dalam kumpulan (TE1289) dan menghadapi masalah pelajar yang tidak begitu minat belajar (TE8952).

Pelajar juga menghadapi masalah dari aspek pengurusan dan penganjuran program. Antara masalah yang dihadapi ialah kesukaran mendapatkan persetujuan dan kelulusan pihak atasan bagi menganjurkan program. Sebagai contoh, pelajar menjelaskan bahawa mereka menghadapi masalah “*Mendapatkan kelulusan pengurusan daripada pihak universiti*” (PK0592), “*Mendapatkan persetujuan pihak atasan*” (TE1289, TE0261) dan “*Masalah berurus dengan pihak pengurusan*” (SR9838). Selain itu, mereka juga menghadapi masalah “*sukar mendapatkan persetujuan penganjur*” (TE0980) dan berhadapan dengan “*karenah birokrasi (surat menyurat)*” (TE0002). “*Proses pengurusan mengambil masa yang lama boleh merencatkan program*”, jelas (TE1410). Selain itu, mereka juga menghadapi masalah program tidak terurus dan kekurangan persediaan dan pengurusan sebelum aktiviti mengakibatkan program menjadi tidak teratur (TE0261, TE1292). Terdapat juga masalah program menjadi tidak terurus kerana penyertaan yang terlalu ramai.

Masalah seterusnya yang dihadapi ialah kemahiran komunikasi seperti sukar berinteraksi dan bergaul dan masyarakat kurang ramah. Contohnya, “*Masalah komunikasi antara pelajar yang terlibat bersama*” (TE0386) dan “*Masalah berkomunikasi dengan orang yang baru dikenali*” (TE8952). Selain itu, terdapat juga masalah komunikasi yang melibatkan penyampaian maklumat. TE0386 menjelaskan, “*Saya seorang yang senang untuk berkomunikasi, saya tidak menghadapi banyak masalah. Tetapi saya sedar tentang kepentingan komunikasi supaya tidak berkunya sebarang salah faham dan kepentingan masa. Sebagai contoh, saya telah menghadiri program gotong royong di sekitar Putrajaya dan berlakunya kekeliruan tentang masa dan tempat yang diubah tanpa pengetahuan. Hal ini menyebabkan kucar kacir bagi pelajar yang terlibat.*” Selain itu, terdapat juga masalah komunikasi akibat faktor gender. Hal ini diperihalkan oleh TE1437, “*Masalah yang dihadapi ialah komunikasi. Saya pernah masalah komunikasi dalam program kolej kerana saya sebagai seorang perempuan dianggap tidak mempu menjalankan tugas yang berat seperti ketua keselamatan. Tetapi saya berusaha untuk membuktikan bahawa sebagai wanita, kami tidak mempunyai halangan untuk menjadi seorang ketua.*” Justeru, masalah komunikasi ini juga membuka jalan bagi pelajar berfikiran dengan lebih matang dan berusaha mengatasi masalah yang berlaku.

Seterusnya, pelajar menghadapi masalah dalam aspek penyertaan dan pengurusan program. Antaranya ialah peserta terlalu ramai berbanding fasiliti, golongan muda kurang menyertai sesuatu kerja, dipandang rendah, dan tidak diberikan tugas yang bersesuaian. Pelajar (SR1451) menjelaskan bahawa mereka “*diberikan tugas yang bertentangan dengan apa yang pelajar mampu lakukan*”. Masalah juga timbul apabila tidak mengikut pembahagian tugas yang diberi. PK0808 menjelaskan “*masalah yang dihadapi ialah menyiapkan projek, tidak mengikut pembahagian tugas yang diberi*”. Selain itu, terdapat juga masalah yang tidak dijangka semasa menganjurkan program seperti faktor cuaca. Di samping itu, terdapat juga pelajar yang meluahkan bahawa aktiviti Komunitas ini tidak diberikan markah atau tidak dimasukkan untuk keputusan, rekod pelajar (TE1404).

Faktor masa juga menjadi kekangan bagi pelajar terlibat dengan Komunitas. Antara penjelasan yang diberi ialah “*mencari masa yang yang sesuai*” (TE1131), dan “*kekangan masa dengan jadual pelajaran yang sangat padat. Syarat graduasi bagi pelajar TESL ialah 184 kredit*” (TE0339), “*Kekangan aktiviti yang banyak dari segi masa*” (TE1239). Selain itu, pelajar juga menghadapi masalah dari aspek pengangkutan. Antara perkara yang dinyatakan oleh pelajar ialah “*apabila program melibatkan pelajar yang ramai, bas sangat susah untuk dapat dan bayar*” (TE0980), “*Selalu jika tempatnya jauh, masalahnya berkaitan dengan pengangkutan dan bentuk muka bumi*” (TE1153). Pelajar juga menghadapi masalah ke lokasi program jika tempat itu tiada akses pengangkutan

awam. PK3870 menjelaskan, “*sukar untuk sampai ke tempat/ destinasi jika tidak dapat diakses dengan public transport seperti KTM, LRT dan Bas Rapid.*”

Terdapat juga pelajar yang mengutarkan tentang masalah fasiliti dan kemudahan yang kurang semasa menjalankan aktiviti bersama Komunitas. Sebagai contoh, mereka menyatakan bahawa peralatan adalah kurang canggih dankekangan peralatan iaitu terdapat hanya satu gelanggang bola tampar di kawasan Komunitas tersebut. Hal ini mengurangkan kelancaran aktiviti Komunitas mereka.

Terdapat juga pelajar yang mengutarkan masalah tentang sikap masyarakat. Sebagai contoh, ada yang mengatakan bahawa masyarakat mengambil mudah tentang kebersihan dan keceriaan. Ada juga yang meluahkan bahawa “*golongan muda dianggap tidak layak memegang tampuk kepimpinan*” (SR1451). Selain itu, terdapat juga pelajar yang meluahkan kesukaran mereka untuk bergaul dengan masyarakat. TE7921 menjelaskan bahawa “*Saya kurang mengenali orang-orang baru dan saya sukar untuk mendekati orang baru. Oleh itu, saya harus mencabar diri saya dalam menghadapi masalah tersebut*”.

Walaupun pelbagai masalah yang diutarakan oleh pelajar, namun hakikatnya semua ini adalah satu pengalaman yang berharga buat mereka dalam menghadapi situasi di tempat kerja nanti. Hal ini kerana, dalam menghadapi kerjaya, pelajar hakikatnya akan berhadapan dengan pelbagai lagi masalah. Apa yang penting ialah kematangan dan kebijaksanaan mereka dalam menghadapi dan menangani masalah tersebut. Hal inilah yang akan menentukan kejayaan dan mereka dalam mengharungi fasa kerjaya kelak yang pastinya lebih kompleks dan mencabar.

KESIMPULAN

Artikel ini merupakan satu tinjauan kualitatif tentang aktiviti berkaitan Komunitas yang disertai pelajar tahun akhir, Fakulti Pendidikan, UKM sepanjang pengajian mereka. Mereka telah mengutarkan pelbagai masalah yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti bersama Komunitas seperti kekangan kewangan, masalah komunikasi, pengurusan dan perjalanan program, masalah berkaitan peserta, pengangkutan, sikap masyarakat, kekangan masa, kekurangan fasiliti dan pelbagai lagi. Namun, dalam masa yang sama, mereka juga menimba pelbagai pengalaman baru, memperoleh kemahiran baru, mempelajari pelbagai kemahiran insaniah, mengenali budaya dan keadaan masyarakat, berdisiplin, berkenalan dengan pelbagai lapisan masyarakat serta menyelami dan merasai kehidupan pelbagai lapisan masyarakat yang wujud dalam Komunitas. Mereka juga belajar untuk mempraktikkan ilmu yang mereka pelajari sebagai bakal guru dalam pelbagai program berbentuk bantuan mengajar, kem pelajaran dan program motivasi.

Walau bagaimanapun, kajian ini hayalah bersifat ‘on-the-surface’ sahaja. Maklumat dan pengalaman yang lebih mendalam tentang penglibatan dalam Komunitas perlu diperoleh melalui temubual atau temubual berkumpulan bagi mendapatkan maklumat yang lebih spesifik dan penjelasan yang lebih lanjut. Hal ini bagi memastikan pengalaman pelajar dalam Komunitas dapat didokumentasi dan masalah yang mereka hadapi dapat ditangani sedikit-demi sedikit bagi mengoptimumkan penglibatan pelajar Fakulti Pendidikan, UKM dalam aktiviti berkaitan Komunitas.

DAFTAR PUSTAKA

- Antonio, A. L., Astin, H. S., & Cress, C. M. (2000). Community service in higher education: A look at the Nation's faculty. *The Review of Higher Education*, 23 (4), 373-397.
- Astin, A. W. & Sax, L. J. (1999). How undergraduates are affected by service participation. *Journal of College Student Development*, 39(3), 251 – 263.

Olsen, C. & Elliot, D. (2017). How service learning inspired student leadership and sustained global engagement. *The International Undergraduate Journal for Service-Learning, Leadership, and Social Change*, 7(1), 21-33.

Roberts, J. (2018). From the Editor: The Possibilities and Limitations of Experiential Learning Research in Higher Education. *Journal of Experiential Education*, 41(1), 3-7.